

# news etter.


VOL. 24  
February 2025

AUTHOR: IZZATUL HANANI  
EDITOR: SITI AMIRA AISYAH

## 1. PERBINCANGAN URS YANG KEDUA BAGI MODUL PENGAMBILAN EHR MBPG

03/02/2025 (ISNIN)

Perbincangan ini telah diadakan selama satu hari di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan dan memuktamadkan keperluan pengguna sistem (URS) bagi Modul Pengambilan eHR. Fokus utama adalah memastikan keperluan dan spesifikasi sistem dipenuhi dengan tepat. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Aina, Hana dan Edy Izwan.



## 2. PERBINCANGAN PELAN PEMBANGUNAN HALAL

05/02/2025 (RABU)

CTSB telah menyertai perbincangan pelan pembangunan halal global di Hotel DoubleTree Hilton JB. Pelan yang sedang dibangunkan oleh PIJ Holdings Sdn Bhd (PIJ Holdings) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) itu melibatkan komponen seperti pensijilan halal, produk atau perkhidmatan halal, pasaran halal, pemantauan halal, infrastruktur halal, kapasiti halal serta digital halal. CTSB turut menyertai inisiatif ini bagi menyokong pembangunan industri halal di Johor dan yang turut menghadiri perbincangan ini adalah Dr. Ikhwan dan Syafaizah.


### **3. PERSEDIAAN DALAMAN CTSB BAGI LATIHAN NAIKTARAF HASIL EPBT 3.0 MBJB**

05/02/2025 (RABU)

Perbincangan dalaman antara team teknikal CTSB Johor telah diadakan bagi membincangkan isu-isu dan persediaan penempatan staf di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Fokus utama adalah memastikan kelancaran latihan serta kesiapsiagaan staf dalam mengendalikan sistem Baharu di MBJB. Segala isu teknikal dan keperluan sokongan telah dikenal pasti bagi memastikan pelaksanaan naik taraf berjalan lancar.

### **4. SESI PENGUJIAN UAT API SUPERAPP MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG (MPP)**

10/02/2025 (ISNIN)



Sesi Pengujian UAT bagi API Integrasi SuperApp telah diadakan pada 10 Februari 2025. Sesi ini telah diadakan di secara talian dan telah dihadiri oleh vendor SuperApp MPP, Pegawai Pengguna MPP dan Pegawai Teknologi Maklumat MPP. Sesi ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Syuhada, Fozuyanis, Suhana dan Fyqa Maarof.

### **5. MESYUARAT BERSAMA JABATAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)**

13/02/2025 (KHAMIS)



Mesyuarat bersama Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Kulai (MPKU) diadakan selama 2 hari bagi membincangkan aspek kewangan berkaitan sistem. Perbincangan merangkumi isu-isu kewangan termasuk penutupan akaun. Ia dijalankan bagi memastikan kecekapan pengurusan kewangan. Pihak Teknologi Maklumat MPKu dan Kewangan MPKu telah menghadiri mesyuarat ini dan ia turut disertai oleh pihak CTSB iaitu Khalis, Nadhirah, dan Puan Arina.



## 6. SESI PENGUJIAN UAT BAGI MODUL PENGAMBILAN SISTEM EHR MBPG


14/02/2025 (JUMAAT)

Sesi Pengujian UAT bagi Modul Pengambilan Sistem eHR telah diadakan pada 14 Februari 2025 selama satu hari. Sesi ini telah diadakan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan telah dihadiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat dan Pegawai Khidmat Pengurusan MBPG. Sesi ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Aina dan Edy Izwan.

## 7. LATIHAN MODUL HASIL EPBT 3.0 DI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)

18/02/2025 (SELASA)


Latihan bagi Naiktaraf Modul Hasil ePBT 3.0 di Majlis Bandaraya telah bermula pada 18 Februari 2025 dan sesi ini telah berjalan selama 5 hari. Latihan ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan sepenuhnya kepada pegawai yang terlibat termasuk pegawai IT MBJB tentang sistem ePBT yang telah dinaiktaraf dari segi fungsi sistem dan UI sistem.



## **8. SESI PENGUJIAN UAT KIOSK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

21/02/2025 (JUMAAT)

Sesi Pengujian UAT bagi kiosk MBJB telah diadakan pada 21 Februari 2025 selama satu hari. Sesi ini telah diadakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru dan cawangan kiosk MBJB. Sesi ini telah dihadiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat dan vendor kiosk MBJB. Sesi ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Inshirah dan Amirah.



## **9. TOWNHALL MEETING 2025**

21/02/2025 (JUMAAT)

CTSB dan MSC telah mengadakan Town Hall Meeting 2025 bagi berkongsi perkembangan syarikat, pencapaian, dan perancangan masa depan bagi tahun 2025. Sesi ini bertujuan menyelaraskan matlamat serta membincangkan isu penting. Semua staf telah menghadiri mesyuarat ini.

## **10. MESYUARAT PERBINCANGAN PLATFORM PENJEJAKAN HALAL**

21/02/2025 (JUMAAT)



CTSB, PIJ, dan Transtrack telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan status, aliran kerja, dan skop Platform Penjejakan Halal. Perbincangan merangkumi kemajuan projek, pencapaian utama, serta model perniagaan, termasuk yuran pendaftaran, transaksi, dan langganan. Skop kerja dan integrasi sistem turut diperhalusi bagi memastikan keselarasan antara pihak berkepentingan. Selain itu, peluang pendapatan melalui perkhidmatan bernilai tambah seperti analitik, pelaporan, dan pemantauan pematuhan turut diterokai. Sesi ini telah dihadiri oleh Pegawai PIJ & Transtrack, En Ramlee, Pn Arina, Azwan dan Syafaizah.

## **11. SESI PENUTUPAN AKAUN KEWANGAN DI MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT)**

24/02/2025 (ISNIN)



Sesi penutupan akaun kewangan ini telah diadakan di Majlis Daerah Tangkak bagi memberikan sokongan terhadap pegawai kewangan MDT. Sesi ini telah dijalankan selama 3 hari iaitu bermula pada 24 Februari 2025 sehingga 26 Februari 2025. Turut disertai dan memberi sokongan penutupan ini adalah Shafika Manaf dan Khalis.

## **12. AKTIVITI MSC-CTSB UNITY RUN & BADMINTON**

28/02/2025 (JUMAAT)



Inisiatif Kelab Sukan MSC CTSB dengan kerjasama HR, dengan jayanya telah menjalankan program MSC-CTSB Unity Run & Badminton. Program tersebut telah melibatkan kesemua branch CTSB bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan sesama staf. Berikut adalah senarai tempat yang telah dijalankan aktiviti Fun Walk tersebut yang telah bermula dari jam 5 petang sehingga 6 petang:

- Johor Bahru – Taman Merdeka, Johor Bahru
- Kuantan – Laman Teruntum
- Kuala Lumpur – Technoflex Recreation Centre , MRANTI
- Kuching – Level Up Kuching Sarawak
- Terengganu - Perkarangan Pusat Sains Kuala Terengganu

Terima kasih diucapkan atas kerjasama semua staff CTSB dalam menjayakannya dan diharap dapat menyertai aktiviti-aktiviti yang akan dirancang pada masa hadapan.